

20/06/1998

Isu nepotisme, kronisme bertujuan jatuhkan maruah Umno

WAKIL Badan Perhubungan Umno Perlis, Md Isa Sabu, berkata isu nepotisme dan kronisme sengaja dibawa bagi menjatuhkan maruah Umno, bangsa Melayu dan rakyat negara ini.

Berucap membahasakan usul ucapan dasar presiden, beliau berkata slogan itu sudah berjaya menjatuhkan kepemimpinan Indonesia dan kini cuba diperluaskan ke negara ini.

Sehubungan itu, beliau menyalahkan media asing yang memainkan isu berkenaan kerana ia bukannya membantu memulihkan ekonomi negara tetapi bertujuan memporakperandakan kepemimpinan Umno, terutama presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Tetapi, kita bersyukur kerana semua pemimpin lain dalam Umno menyokong dan berdiri teguh di belakang presiden tanpa berbelah bagi dalam isu ini," katanya.

Md Isa berkata, media asing terbabit jelas cuba menggambarkan Dr Mahathir seorang yang menyalahgunakan kuasanya melalui isu nepotisme dan kronisme itu.

Menurutnya, kepemimpinan Perdana Menteri berjaya membawa negara ini ke tahap tertinggi dan menaikkan taraf hidup Bumiputera dan usahawan Melayu.

"Adakah tindakan Perdana Menteri itu dianggap sebagai salah guna kuasa semata-mata kerana beliau menolong bangsa kita ... menolong kaum Bumiputera.

"Wajarkah kita sebagai ahli Umno dan orang Islam menuduh begitu kepada Dr Mahathir. Sanggupkah 20 juta rakyat Malaysia menerima tuduhan bahawa Perdana Menteri menyalah guna kuasa," katanya.

Beliau juga berkata, pelantikan anak-anak bekas menteri ke jawatan tinggi dalam kerajaan tidak harus dilihat sebagai penyalahgunaan kuasa.

"Mereka dilantik atas dasar berupaya. Ada juga anak menteri yang tidak dilantik kerana mereka tidak mampu," katanya.

Md Isa berkata, Umno membenarkan kritikan yang tidak memecahbelahkan parti kerana sikap berpuak-puak hanya akan merugikan diri sendiri.

(END)